

# Penyerahan Tugas Pengerusi Jawatan Kuasa Penerbitan SST

*Artikel oleh: Fairendy Fairuz*



Pada 30 April 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif telah berlangsungnya sesi penyerahan tugas Mantan Pengerusi Jawatan Kuasa Penerbitan SST iaitu Prof. Madya Dr. Baba Musta kepada Pengerusi Jawatan Kuasa Penerbitan SST yang baru iaitu Prof. Madya Dr. Kawi Bidin. Sesi ini diadakan sejurus selepas penangguhan sesi Mesyuarat Jawatan Kuasa Penerbitan SST Bil. 3/2012 disaksikan oleh Ahli-ahli Jawatan Kuasa Penerbitan SST. Seluruh Jawatan Kuasa ini mengucapkan setinggi penghargaan kepada Mantan Pengerusi, Prof. Madya Dr. Baba Musta atas sumbangan beliau dalam mengetuai aktiviti-aktiviti penerbitan di Sekolah Sains dan Teknologi dan juga tahniah kepada Prof. Madya Dr. Kawi Bidin di atas perlantikan sebagai Pengerusi Jawatan Kuasa Penerbitan SST yang baru.